

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD  
(MERSING)**

**TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah strategi yang diambil oleh Kementerian dalam Kempen Tabung Pahlawan 2019 untuk memberi kesedaran kepada masyarakat untuk menyumbang kepada tabung berkenaan. Berapakah kutipan yang diperoleh setiap tahun bagi lima tahun terdahulu dan adakah mencapai sasaran yang ditetapkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Kempen Tabung Pahlawan (KTP) bagi tahun 2019 diterajui oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) dengan kolaborasi bersama Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM) dan dibantu oleh persatuan-persatuan veteran yang lain. Tema KTP 2019 adalah ‘Penghormatan Di Atas Pengorbanan’ dengan objektif seperti berikut:

1. Penghargaan atas perjuangan serta pengorbanan para Pahlawan Negara (veteran ATM) dalam mempertahan dan mengekalkan kedaulatan, keselamatan dan keamanan negara;
2. Menyemai dan meningkatkan semangat patriotisme dan sifat kecintaan terhadap negara dalam setiap warganegara Malaysia khususnya pada generasi muda; dan

3. Mengumpul dana tabung kebajikan sumbangan daripada kerajaan, syarikat *Government-Linked Company* (GLC), syarikat swasta dan rakyat Malaysia bagi menampung aktiviti kebajikan veteran ATM.

Tiga strategi utama akan digunakan bagi memastikan kempen ini mencapai objektif yang telah ditetapkan iaitu:

1. Kutipan secara *online* bagi memudahkan orang ramai membuat sumbangan tunai menggunakan platform perbankan internet selain kemudahan secara *offline* seperti deposit tunai/cek/kaunter bank;
2. Kutipan Jalanan oleh ahli persatuan-persatuan veteran ATM bagi meningkatkan kesedaran kepada orang ramai di atas pengorbanan dan jasa bakti para pahlawan tanah air yang menjaga keselamatan dan kedaulatan negara selama ini selain dapat mendekatkan veteran ATM dengan masyarakat bagi memupuk semangat patriotik dan cintakan negara terutama di kalangan remaja dan belia-belia supaya menghayati perjuangan dan pengorbanan veteran ATM; dan
3. Sumbangan badan korporat yang mana tidak seperti tahun-tahun sebelumnya, di mana hanya tertumpu kepada syarikat yang berurusan dengan Kementerian Pertahanan sahaja tetapi dipanjangkan kepada syarikat berkaitan kerajaan, badan korporat serta syarikat swasta di seluruh negara yang mengecapi dan menikmati keamanan hasil pengorbanan Pahlawan Negara.

Tanpa pengorbanan dan jasa-jasa para veteran ATM yang telah mempertahankan kedaulatan dan keamanan negara tidak mungkin akan wujud keselamatan dan ketenteraman yang membolehkan urusan-urusan perniagaan dan aktiviti ekonomi dapat dijalankan dengan lancar. Dana yang terkumpul ini akan disalurkan ke dalam akaun Tabung Rayuan Hari Pahlawan di bawah seliaan Yayasan Veteran ATM dan digunakan untuk memberi bantuan kepada veteran ATM dan keluarga mereka yang memerlukan bantuan seperti bantuan sara hidup bagi mereka yang tidak berkemampuan dan tercedera, keperluan perubatan dan peralatan, bantuan pendidikan sekolah dan pengajian tinggi dan bantuan-bantuan lain yang berunsur kebajikan.

Antara program-program yang dirancang sepanjang penganjuran dan pelaksanaan KTP 2019 adalah seperti berikut:

1. Program Menyantuni Gelandangan;
2. Program Derma Darah;
3. Majlis Pelancaran KTP 2019;
4. Makan Malam Amal KTP 2019;
5. Larian Veteran ATM 19.33KM; dan
6. Majlis Penghargaan KTP 2019.

Usaha Kementerian Pertahanan ini, mendapat sokongan dan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) bagi pelaksanaan strategi komunikasi atau promosi KTP 2019 dengan menggunakan saluran komunikasi media arus perdana dan media sosial yang memfokuskan kesedaran orang awam dan rayuan untuk menyumbang.

Penganjuran KTP bagi tahun 2013 hingga 2018 diterajui oleh Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM). Jumlah kutipan yang diperolehi pada tahun 2014 adalah sebanyak RM3.5 juta, tahun 2015 sebanyak RM2.93 juta, tahun 2016 sebanyak RM4.36 juta, tahun 2017 sebanyak RM7.17 juta (RM5.0 juta sumbangan daripada kerajaan) dan kutipan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM4.18 juta. Sasaran kutipan KTP 2019 adalah sekurang-kurangnya sebanyak RM 6 juta. Jumlah kutipan sehingga kini adalah sebanyak **RM3,100,739.15**.

Saya menyeru kepada semua ahli-ahli dewan ini untuk menyumbang dalam apa bentuk sekalipun di dalam KTP 2019. Setiap sumbangan kepada KTP adalah layak menikmati penolakan cukai di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).